LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL DAN ALAM SEKITAR DALAM SEKTOR PEMBALAKAN DI NEGERI PAHANG (2026)

DAERAH : TEMERLOH / BERA
HUTAN SIMPAN : KRAU
KOMPARTMEN : 14 & 15
LUAS : ±95.25 HA

Penilaian Impak Sosial (SIA) di kawasan pembalakan di atas telah dilakukan oleh pihak Pejabat Hutan Daerah Temerloh/Bera dalam tempoh sebelum dan semasa aktiviti pembalakan dijalankan bagi tempoh 2026.

Bagi kajian impak sosial yang telah dikemukakan ke atas penduduk Kampung Paya Luas disini untuk sepanjang tempoh sebelum dan semasa pembalakan, hasil kajian adalah seperti berikut:

SEBELUM AKTIVITI PEMBALAKAN

(berdasarkan borang soal selidik yang digunapakai sehingga tahun 2018)

Berdasarkan maklumbalas awal yang diberi oleh wakil penduduk kampung, 26% berpendapat pengusahasilan yang akan dijalankan mendatangkan kesan negatif dari sektor sosial,sumber ekonomi dan kesihatan manakala sebanyak 74% berpendapat aktiviti pembalakan ini tidak memberi kesan negatif kepada penduduk setempat.

Pejabat ini berpendapat pengusahasilan yang akan dijalankan dikawasan sebahagian kompartmen 14 & 15 Hutan Simpan Krau, Mukim Jenderak, Daerah Temerloh tidak akan mendatangkan kesan negatif kepada penduduk setempat kerana kerja-kerja pengusahasilan yang akan dijalankan berada agak jauh dari penempatan penduduk Dimana pihak Kerajaan telah menyediakan kemudahan asas seperti bekalan air bersih, elektrik, jalan dan sebagainya kepada penduduk setempat. Di samping itu, aktiviti pengusahasilan ini boleh memberi sumbangan kepada faktor ekonomi secara tidak langsung kepada penduduk kampung kerana dapat membuka peluang pekerjaan untuk menambah pendapatan sampingan untuk bekerja dalam sektor pembalakan. Pemantauan secara berkala akan dijalankan bagi tujuan memastikan kerja pengusahasilan berjalan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Secara keseluruhannya, tiada halangan bagi kawasan untuk diusahasilkan ini kerana dapat menjana pendapatan kerajaan Negeri dari segi kutipan Premium, Royalti, Ses dan lain-lain bayaran dengan syarat pelaksanaan aktiviti pengusahasilan tersebut mengikut Sistem Pengurusan Hutan Secara Berkekalan dan mematuhi Akta Perhutanan Negara 1984.

SEMASA AKTIVITI PEMBALAKAN

(berdasarkan borang soal selidik yang digunapakai sehingga tahun 2018)

Semasa aktiviti pembalakan dijalankan di kompartmen 14 & 15 HS Krau, maklumbalas awal yang diberi oleh wakil penduduk kampung Paya Luas berpendapat pengusahasilan yang sedang dijalankan tidak mendatangkan kesan negatif kepada penduduk kampung serta tidak menjejaskan faktor sosial ekonomi,alam sekitar dan kepelbagaian Flora dan Fauna.Selain itu kawasan pengubahasilan yang dijalankan ini tidak berada di dalam Kawasan Hutan tadahan air serta kawasan ini juga menjalankan sistem tebangan memilih yang mana pokok yang ditanda sahaja akan ditebang. Kawasan ini tidak mempunyai sungai yang besar dan keperluan untuk penandaan zon penampan dalam jarak yang ditetapkan mengikut kelebaran alur air khusus kepada aliran sungai yang ada di dalam kawasan.

Secara keseluruhannya tiada bantahan diterima daripada penduduk kampung disini sebelum dan semasa aktiviti pembalakan di kompartmen 14 & 15 HS Krau, pemantauan secara berkala akan sentiasa dijalankan bagi tujuan memastikan kerja pengusahasilan berjalan mengikut peraturan-peraturan dan syarat yang ditetapkan.

PENILAIAN IMPAK SOSIAL KAWASAN PENGUSAHASILAN KOMPARTMEN 59 & 82 HUTAN SIMPAN BERKELAH SELUAS ±139.45 HA.
Sebelum Pengusahasilan (Pembalakan)

PELESEN : AMANAH SAHAM PAHANG BERHAD
KONTRAKTOR : PK TRADING SDN BHD

Penilaian dilaksanakan dengan menjalankan soalselidik terhadap penduduk Kampung Baru Jara yang berada paling hampir dengan kawasan pengusahasilan yang akan dijalankan. Dalam soalselidik tersebut, seramai sepuluh (10) orang responden memberi maklumbalas seperti berikut:

BIL	NAMA RESPONDEN	ALAMAT
1.	Azman Bin Jantan	Wakil JPKK Kampung Baru jara
2.	Siti Sahirah BT Mohd Sham	Penduduk Kampung Baru Jara
3.	Syazwanni BT Remeli	Penduduk Kampung Baru Jara
4.	NoorAzman Bin Mohd Yunus	Penduduk Kampung Baru Jara
5.	Rokiah BT Minan	Penduduk Kampung Baru Jara
6.	M. Ikram Amir Bin Resli	Penduduk Kampung Baru Jara
7.	Hafiz Bin Bakaruddin	Penduduk Kampung Baru Jara
8.	Norizan BT Ngah	Penduduk Kampung Baru Jara
9.	Mohd Nur Hafiz Bin Alias	Penduduk Kampung Baru Jara
10	Shamsul Izam Bin Zahari	Penduduk Kampung Baru Jara

Ulasan dan Syor :

Berdasarkan soal selidik dan pemerhatian yang dijalankan, keputusan keseluruhan analisa terhadap aspek seperti dinyatakan adalah sebanyak 34% berpendapat pengusahasilan yang akan dijalankan mendatangkan kesan negatif dari sektor sosial, sumber ekonomi dan kesihatan manakala sebanyak 66% berpendapat tidak memberi kesan negatif kepada penduduk setempat.

Pejabat ini berpendapat pengusahasilan yang akan dijalankan di kawasan sebahagian kompartmen 59 & 82, Hutan Simpan Berkelah, Mukim Chenor, Daerah Maran tidak akan mendatangkan kesan yang banyak kepada penduduk setempat kerana kerja pengusahasilan yang akan dijalankan berada jauh dari penempatan

penduduk dimana kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan asas seperti bekalan air bersih, elektrik, jalan dan sebagainya kepada penduduk setempat.

Walaupun pengusahasilan yang bakal dijalankan adalah secara tebangan memilih, pihak pelesen masih dikehendaki mematuhi segala peraturan yang sedang berkuatkuasa terutama terhadap pematuhan berkenaan alam sekitar.

Oleh dengan itu, pejabat ini berpendapat tiada halangan jika pengusahasilan yang akan dijalankan dilaksanakan dengan syarat ianya dilaksanakan mengikut Sistem Pengurusan Hutan Secara Berkekalan dan mematuhi Akta Perhutanan Negara 1984.

(NIK MUHAMMAD FARIS BIN NIK OTHMAN)
Pegawai Hutan Daerah
Temerloh/Bera

PENILAIAN IMPAK SOSIAL KAWASAN PENGUSAHASILAN KOMPARTMEN 59 & 82 HUTAN SIMPAN BERKELAH SELUAS ±139.45 HA.
Semasa Pengusahasilan (Pembalakan)

PELESEN : AMANAH SAHAM PAHANG BERHAD
KONTRAKTOR : PK TRADING SDN BHD

Penilaian dilaksanakan dengan menjalankan soalselidik terhadap penduduk Kampung Baru Jara yang berada paling hampir dengan kawasan pengusahasilan yang akan dijalankan. Dalam soalselidik tersebut, seramai lima (5) orang responden memberi maklumbalas seperti berikut:

BIL	NAMA RESPONDEN	ALAMAT
1.	Azman Bin Jantan	Wakil JPKK Kampung Baru Jara
2.	Siti Sahirah BT Mohd Sham	Penduduk Kampung Baru Jara
3.	Syazwanni BT Remeli	Penduduk Kampung Baru Jara
4.	Norizan BT Ngah	Penduduk Kampung Baru Jara
5.	Shamsul Izam Bin Zahari	Penduduk Kampung Baru Jara

Ulasan dan Syor :

Berdasarkan soal selidik dan pemerhatian yang dijalankan, keputusan keseluruhan analisa terhadap aspek seperti dinyatakan adalah sebanyak 0% berpendapat pengusahasilan yang akan dijalankan mendatangkan kesan negatif dari sektor sosial, sumber ekonomi dan kesihatan manakala sebanyak 100% berpendapat tidak memberi kesan negatif kepada penduduk setempat.

Pejabat ini berpendapat pengusahasilan yang sedang dijalankan di kawasan sebahagian kompartmen 59 & 82, Hutan Simpan Berkelah, Mukim Chenor, Daerah Maran tidak akan mendatangkan kesan yang banyak kepada penduduk setempat kerana kerja pengusahasilan yang sedang dijalankan berada jauh dari penempatan penduduk dimana kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan asas seperti bekalan air bersih, elektrik, jalan dan sebagainya kepada penduduk setempat.

Walaupun pengusahasilan yang bakal dijalankan adalah secara tebangan memilih, pihak pelesen masih dikehendaki mematuhi segala peraturan yang sedang berkuatkuasa terutama terhadap pematuhan berkenaan alam sekitar.

Oleh dengan itu, pejabat ini berpendapat tiada halangan jika pengusahasilan yang akan dijalankan dilaksanakan dengan syarat ianya dilaksanakan mengikut Sistem Pengurusan Hutan Secara Berkekalan dan mematuhi Akta Perhutanan Negara 1984.

(NIK MUHAMMAD FARIS BIN NIK OTHMAN)
Pegawai Hutan Daerah
Temerloh/Bera